

**SOALAN LAZIM (FAQ'S)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BAGI KAWALAN KREDIT KOMUNITI**

(Dikemaskini pada 10.09.2020)

BIL.	PERKARA
1.	Adakah syarikat Kredit Komuniti (KK) (dahulunya dikenali sebagai PPW) dan Pemegang Pajak Gadai (PPG) masih perlu mematuhi syarat-syarat pengoperasian premis perniagaan memandangkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020?
	<u>Ya.</u> Syarikat KK dan PPG masih <u>perlu mematuhi arahan dan peraturan dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]</u> dan mengamalkan kebiasaan baharu seperti melaksanakan penjarakan fizikal (<i>physical distancing</i>) sekurang-kurangnya 1 meter, memakai pelitup muka, menyediakan <i>hand sanitizer</i> kepada pelanggan yang berurusan, melakukan proses nyahkuman secara kerap di dalam premis (<i>disinfection</i>) serta melaksanakan saringan suhu para pekerja dan pelanggan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan ini.
2.	Adakah pemakaian pelitup muka juga diwajibkan di premis perniagaan KK dan PPG?
	<u>Ya.</u> Pemakaian pelitup muka adalah <u>diwajibkan bagi pekerja dan pelanggan</u> syarikat KK dan PPG. Bagi sesi lelongan pajak gadai pula, pemakaian pelitup muka adalah <u>diwajibkan kepada pembida, pembantu pelelong dan pegawai-pegawai</u> yang bertugas semasa sesi lelongan.
3.	Adakah syarikat KK dan PPG boleh menggunakan aplikasi <u>selain</u> MySejahtera bagi urusan pendaftaran pelanggan ke premis?
	<u>Tidak.</u> Syarikat KK dan PPG adalah <u>diwajibkan</u> mengguna aplikasi MySejahtera sepertimana pengumuman oleh Menteri Kanan Pertahanan pada sidang media bertarikh 3 Ogos 2020. <u>Aplikasi lain hanya dibenarkan sebagai tambahan kepada aplikasi wajib MySejahtera. Pengecualian penggunaan aplikasi MySejahtera hanya dibenarkan di kawasan luar bandar</u> yang tidak mempunyai liputan internet namun <u>perlu juga mendaftarkan</u> pelanggan di dalam buku <u>secara manual</u>.
4.	Adakah urusan pelesenan KK dan PPG yang melibatkan kaunter setempat di Aras 1, KPKT dibuka?
	<u>Ya.</u> Kaunter setempat KPKT di Aras 1 <u>beroperasi seperti</u> biasa iaitu dari jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang.

5.	Adakah permohonan pembaharuan lesen KK/PPG dan permit iklan boleh dibuat secara manual dengan menghantar permohonan di kaunter aras 1, KPKT atau secara pos berdaftar?
	<p><u>Ya.</u> Bermula pada 1 September 2020, semua urusan permohonan lesen KK/PPG hendaklah dibuat secara manual melalui serahan di kaunter Aras 1, KPKT /secara pos berdaftar/ atau emelkan kepada lesenbkkk@kpkt.gov.my. Ini berikutan penutupan sementara sistem BLESS bagi tujuan penyelenggaraan.</p> <p>Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Bahagian Kawalan Kredit Komuniti, KPKT di talian 03-8891 3285/ 4694/ 4693/ 4703</p>
6.	Bagaimana syarikat KK/PPG boleh menyemak status semua urusan permohonan lesen yang telah dihantar kepada KPKT?
	Semakan status permohonan/ maklumat lanjut berhubung urusan permohonan lesen KK dan PPG boleh dibuat dengan menghubungi pegawai di Cawangan Lesen, BKKK seperti nombor di atas.
PEMEGANG PAJAK GADAI	
7.	Adakah sesi lelongan pajak gadai dibenarkan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini?
	<u>Ya.</u> Sesi lelongan pajak gadai <u>dibenarkan beroperasi seperti biasa dengan pematuhan sepenuhnya kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.</u> Syarikat PPG boleh merujuk kepada SOP Lelongan yang telah dimuat naik di laman web KPKT.
KREDIT KOMUNITI	
8.	Adakah penggunaan papan tanda iklan baharu KK diwajibkan kepada semua syarikat KK yang ingin memperbaharui permit iklan?
	<u>Ya.</u> Penggunaan papan tanda iklan baharu KK adalah <u>diwajibkan</u> kepada semua syarikat KK yang <u>memperbaharui permit iklan.</u>
9.	Bagaimanakah syarikat KK boleh mendapatkan format baharu papan tanda iklan?
	<p>Format papan tanda iklan baharu KK boleh didapati di laman sesawang KPKT seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Layari http://www.kpkt.gov.my/ • → <i>HEBAHAN</i> • → <i>PAPAN IKLAN KREDIT KOMUNITI</i> • → <i>[KLIK UNTUK MUAT TURUN]</i> • → <i>save di desktop / etc</i> • → <i>cari AI File</i>

10.	Bagaimanakah orang awam boleh menyemak sama ada syarikat KK yang mengiklankan urusan pinjaman wang di internet adalah berlesen dengan KPKT atau tidak?
	Semakan bagi syarikat KK (pemberi pinjam wang yang berlesen)/ didaftarkan di bawah KPKT boleh dibuat melalui <u>aplikasi i-KrediKom</u>. Namun, sekiranya terdapat keraguan berhubung iklan yang dipaparkan, orang awam dinasihatkan untuk terus menghubungi BKKK, KPKT di talian 03-8891 4667.
MAKLUMAT/ INFORMASI TAMBAHAN YANG DIPERLUKAN SEMASA MENERIMA ADUAN BERHUBUNG KK/ PPG OLEH PETUGAS HOTLINE	
11.	Apakah maklumat/ informasi yang perlu dimaklumkan oleh pengadu semasa membuat aduan berkaitan KK/ PPG kepada petugas hotline?
	<p>Antara maklumat/ informasi yang perlu dimaklumkan oleh pengadu semasa membuat aduan berhubung KK/ PPG kepada petugas hotline adalah seperti berikut:</p> <p>Nama pengadu: No. Tel : Daerah/ Negeri : No. Aduan (sekiranya telah membuat aduan sebelum ini) : Tarikh Aduan: Nama syarikat KK/PPG:</p>

**SOALAN LAZIM (FAQ'S)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BAGI KAWALAN KREDIT KOMUNITI**

(Dikemaskini pada 07.08.2020)

BIL.	PERKARA
1.	Berdasarkan pengumuman YAB Perdana Menteri berhubung Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pada 8 June 2020, beberapa aktiviti dan sektor di dalam senarai negatif semasa PKPB akan dilonggarkan/dibuka berdasarkan SOP yang ditetapkan dan waktu operasi perniagaan juga akan kembali seperti biasa. Oleh itu, adakah waktu operasi premis perniagaan KK dan PPG akan beroperasi seperti biasa dan bukan lagi terhad kepada 9.00 pagi hingga 2.00 petang?
	Waktu operasi premis perniagaan KK dan PPG adalah kembali kepada masa operasi yang normal sebelum PKP dilaksanakan. Syarikat KK/PPG dikehendaki mematuhi SOP Rasionalisasi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang telah ditetapkan. Pemakluman kepada syarikat KK/PPG berlesen di bawah KPKT telah dibuat melalui emel dan semakan juga boleh dibuat di laman web KPKT.
2.	Adakah masih terdapat syarat-syarat tertentu yang perlu dipatuhi bagi pengoperasian syarikat KK dan PPG selepas pengumuman di atas?
	<u>Ada. Syarikat masih perlu mematuhi arahan dan peraturan dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]</u> dan mengamalkan kebiasaan baharu seperti melaksanakan penjarakan sosial (<i>social distancing</i>) sekurang-kurangnya 1 meter, memakai topeng muka, menyediakan <i>hand sanitizer</i> kepada pelanggan yang berurusan, melakukan proses nyahkuman secara kerap di dalam premis (<i>disinfection</i>) serta melaksanakan saringan suhu para pekerja dan pelanggan. Syarikat boleh merujuk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) Rasionalisasi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah dimuat naik di laman web KPKT.
3.	Adakah pemakaian pelitup muka juga diwajibkan di premis perniagaan KK dan PPG?
	Ya. Pemakaian pelitup muka adalah <u>diwajibkan</u> bagi <u>pekerja dan pelanggan</u> syarikat KK dan PPG. Bagi sesi lelongan pajak gadai pula, pemakaian pelitup muka adalah <u>diwajibkan kepada pembida, pembantu pelelong dan pegawai-pegawai</u> yang bertugas semasa sesi lelongan.
4.	Adakah syarikat KK dan PPG boleh menggunakan aplikasi selain MySejahtera bagi urusan pendaftaran pelanggan ke premis?

	<u>Tidak.</u> Syarikat KK dan PPG adalah <u>diwajibkan</u> mengguna aplikasi MySejahtera sepertimana pengumuman oleh Menteri Kanan Pertahanan pada sidang media bertarikh 3 Ogos 2020. <u>Aplikasi lain hanya dibenarkan sebagai tambahan kepada aplikasi wajib MySejahtera. Pengecualian penggunaan aplikasi MySejahtera hanya dibenarkan di kawasan luar bandar yang tidak mempunyai liputan internet namun perlu juga mendaftarkan pelanggan di dalam buku secara manual.</u>
5.	Adakah urusan pelesenan KK dan PPG yang melibatkan kaunter setempat di Aras 1, KPKT dibuka?
	Ya. Kaunter setempat KPKT di Aras 1 <u>beroperasi seperti</u> biasa iaitu dari jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang.
6.	Adakah permohonan pembaharuan lesen KK/PPG dan permit iklan boleh dibuat secara manual dengan menghantar permohonan di kaunter aras 1, KPKT atau secara pos berdaftar?
	<u>Tidak.</u> Semua permohonan lesen KK/PPG termasuk pembaharuan <u>perluah</u> menggunakan sistem BLESS sepenuhnya. Sebarang kesulitan/ isu bagi permohonan lesen KK/PPG di dalam sistem BLESS, boleh menghubungi pegawai di Cawangan Lesen, BKkk seperti berikut: 03-8891 3285 / 4694/ 4693 atau emelkan kepada lesenbkkk@kpkt.gov.my.
7.	Bagaimana syarikat KK/PPG boleh menyemak status permohonan pembaharuan lesen/ permit iklan yang telah didaftarkan di dalam sistem BLESS?
	Semakan permohonan/ maklumat lanjut berhubung permohonan pembaharuan lesen dan permit iklan KK dan PPG boleh dilakukan dengan menghubungi pegawai di Cawangan Lesen, BKkk seperti di atas.
PEMEGANG PAJAK GADAI	
8.	Adakah sesi lelongan pajak gadai dibenarkan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini?
	<u>Ya.</u> Sesi lelongan pajak gadai <u>dibenarkan beroperasi seperti biasa dengan pematuhan sepenuhnya kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.</u> Syarikat PPG boleh merujuk kepada SOP Lelongan yang telah dimuat naik di laman web KPKT.
KREDIT KOMUNITI	
9.	Adakah penggunaan papan tanda iklan baharu KK diwajibkan kepada semua syarikat KK yang ingin memperbaharui permit iklan?
	<u>Ya.</u> Penggunaan papan tanda iklan baharu KK adalah <u>diwajibkan</u> kepada semua syarikat KK yang <u>memperbaharui permit iklan.</u>
10.	Bagaimanakah syarikat KK boleh mendapatkan format baharu papan tanda iklan?
	Format papan tanda iklan baharu KK boleh didapati di laman sesawang KPKT seperti berikut:

	<ul style="list-style-type: none"> • Layari http://www.kpkt.gov.my/ • → <i>HEBAHAN</i> • → <i>PAPAN IKLAN KREDIT KOMUNITI</i> • → <i>[KLIK UNTUK MUAT TURUN]</i> • → <i>save di desktop / etc</i> • → <i>cari AI File</i>
11.	<p>Bagaimanakah orang awam boleh menyemak samada syarikat pemberi pinjam wang yang mengiklankan urusan pinjaman wang di internet adalah berlesen dengan KPKT atau tidak?</p> <p>Semakan bagi syarikat KK (pemberi pinjam wang yang berlesen)/ didaftarkan di bawah KPKT boleh dibuat melalui sistem e-Maps dan aplikasi i-KrediKom. Namun, sekiranya terdapat keraguan berhubung iklan yang dipaparkan, orang awam dinasihatkan untuk terus menghubungi BKKK, KPKT di talian 03-8891 4667.</p>
<p>MAKLUMAT/ INFORMASI TAMBAHAN YANG DIPERLUKAN SEMASA MENERIMA ADUAN BERHUBUNG KREDIT KOMUNITI/ PPG OLEH PETUGAS HOTLINE</p>	
12.	<p>Apakah maklumat/ informasi yang perlu dimaklumkan oleh pengadu semasa membuat aduan berkaitan Kredit Komuniti (KK)/ Pemegang Pajak Gadai (PPG) kepada petugas hotline?</p> <p>Antara maklumat/ informasi yang perlu dimaklumkan oleh pengadu semasa membuat aduan berhubung Kredit Komuniti (KK)/ Pemegang Pajak Gadai (PPG) kepada petugas hotline adalah seperti berikut:</p> <p>Nama pengadu: No. Tel : Daerah/ Negeri : No. Aduan (sekiranya telah membuat aduan sebelum ini) : Tarikh Aduan: Nama syarikat KK/PPG:</p>